




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BUKU PANDUAN

MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI Zon Sarawak 2026

12 – 13 September 2026 | Sabtu – Ahad

Dewan Tunku Abdul Rahman Putra
DeTAR PUTRA
Universiti Malaysia Sarawak



Politeknik
Kuching Sarawak

Politeknik
Mukah, Sarawak

Politeknik METRO
Betong Sarawak

Kolej Komuniti
Mas Gading

Kolej Komuniti
Kuching

Kolej Komuniti
Sarikei

Kolej Komuniti
Betong

Kolej Komuniti Miri

Kolej Komuniti
Santubong

Kolej Komuniti Sarikei
Cawangan Sibul

SENARAI
KANDUNGAN
BUKU PANDUAN

PERKARA**MUKA SURAT**

1.0	Tarikh dan Jadual Majlis Konvokesyen	5 - 6
2.0	Penyertaan Graduan ke Majlis Konvokesyen	8
3.0	Bayaran Yuran Konvokesyen dan Alumni	10 - 11
4.0	Lapor Diri Graduan ke Majlis Konvokesyen	13 - 14
5.0	Pas Masuk ke Majlis Konvokesyen	16
6.0	Peraturan Kenderaan	18
7.0	Etika Pakaian dan Rupa Diri	20 - 21
8.0	Etka Pakaian Tetamu Majlis Konvokesyen	23
9.0	Kajian Pengesanan Graduan	25 - 26
10.0	Jubah Majlis Konvokesyen Politeknik Kuching Sarawak	28 - 30
11.0	Jubah Majlis Konvokesyen Politeknik Mukah	31 - 33
12.0	Jubah Majlis Konvokesyen Politeknik METrO Betong	34 - 36
13.0	Jubah Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Zon Sarawak	37 - 39
14.0	Tuntutan Sijil dan Diploma Graduan	41
15.0	Anugerah Kecemerlangan Konvokesyen	43
16.0	Gambar Majlis Konvokesyen	45

TARIKH & JADUAL

MAJLIS
RONVOKESYEN

1.0 TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN

1.1 Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Sarawak Tahun 2026 akan diadakan pada 12 – 13 September 2026 (Sabtu – Ahad) di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), Universiti Malaysia Sarawak.

1.2 Majlis Konvokesyen PolyCC Zon Sarawak Tahun 2026 ini melibatkan:

- Politeknik Kuching Sarawak
- Politeknik Mukah, Sarawak
- Politeknik METrO Betong Sarawak
- Kolej Komuniti Mas Gading
- Kolej Komuniti Kuching
- Kolej Komuniti Sarikei
- Kolej Komuniti Sarikei Cawangan Sibu
- Kolej Komuniti Miri
- Kolej Komuniti Santubong
- Kolej Komuniti Betong

1.3 Berikut adalah ringkasan jadual majlis konvokesyen mengikut sidang.

JADUAL SIDANG			
12 – 13 SEPTEMBER 2026			
TARIKH	HARI	MASA	SIDANG
 12 SEPTEMBER 2026 (SABTU)	SABTU	7.00 pagi - 12.30 tengah hari	 SIDANG 1
		12.30 tengah hari - 5.00 petang	 SIDANG 2
 13 SEPTEMBER 2026 (AHAD)	AHAD	7.00 pagi - 12.30 tengah hari	 SIDANG 3
		12.30 tengah hari - 5.00 petang	 SIDANG 4

- 1.4 Berikut adalah ringkasan jadual sidang majlis konvokesyen mengikut sesi tamat pengajian graduan dan institusi.

 JADUAL SIDANG MAJLIS KONVOKESYEN 				
SESI TAMAT PENGAJIAN / INSTITUSI				
TARIKH / HARI	SIDANG / MASA	Graduan Tamat Pengajian Sesi I : 2024 / 2025	Graduan Tamat Pengajian Sesi II : 2024/2025	Graduan Tamat Pengajian Sesi I : 2025 / 2026
 12 September 2026 (Sabtu)	SIDANG 1  7.00 pagi – 12.30 tengah hari		• Politeknik Kuching Sarawak • Politeknik METrO Betong • Kolej Komuniti Kuching	• Politeknik Mukah • Kolej Komuniti Miri
	SIDANG 2  12.30 tengah hari – 5.00 petang	• Politeknik Mukah	• Politeknik Kuching Sarawak • Politeknik Mukah • Kolej Komuniti Betong	• Politeknik Kuching Sarawak • Politeknik METrO Betong • Kolej Komuniti Kuching • Kolej Komuniti Betong
 13 September 2026 (Ahad)	SIDANG 3  7.00 pagi – 12.30 tengah hari	• Politeknik Mukah	• Politeknik Kuching Sarawak • Politeknik Mukah • Kolej Komuniti Mas Gading • Kolej Komuniti Miri • Kolej Komuniti Sarikei • Cawangan Sibul	• Kolej Komuniti Sarikei • Cawangan Sibul
	SIDANG 4  12.30 tengah hari – 5.00 petang	• Politeknik Mukah	• Politeknik Kuching Sarawak • Kolej Komuniti Santubong • Kolej Komuniti Sarikei	• Politeknik Kuching Sarawak • Politeknik Mukah • Kolej Komuniti Mas Gading • Kolej Komuniti Santubong • Kolej Komuniti Sarikei

***PENYERTAAN
GRADUAN***

*Majlis
Konvokesyen*

2.0 PENYERTAAN HADIR / TIDAK HADIR MAJLIS KONVOKESYEN

- 2.1 Semua graduan perlu memilih status kehadiran sama ada HADIR atau TIDAK HADIR melalui portal **Sistem Pengurusan Konvokesyen (SPK)**.
- 2.2 Graduan adalah diingatkan agar **MEMBUAT PEMBAYARAN** konvokesyen **MENGIKUT STATUS KEHADIRAN**.
- 2.3 Proses Pendaftaran Majlis Konvokesyen PolyCC Zon Sarawak Tahun 2026 adalah seperti berikut:




BAYARAN YURAN
RONVOKESYEN
DAN ALUMNI

3.1 BAYARAN YURAN KONVOKESYEN

3.1.1 Bayaran Konvokesyen bermula pada **15 Julai hingga 15 Ogos 2026**.
Kadar bayaran konvokesyen adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Kadar bayaran yuran graduan bagi Majlis Konvokesyen PolyCC Zon Sarawak			
Status Kehadiran		 Politeknik	 Kolej Komuniti
	Hadir	RM 250	RM 200
	Tidak Hadir	RM 200	RM 150

3.1.2 Sila patuhi tatacara bayaran yang dinyatakan di dalam portal **Sistem Pengurusan Konvokesyen (SPK)** dengan memilih **TATACARA PEMBAYARAN** di bahagian muat turun. Antara muka pengguna portal SPK adalah seperti di bawah:



PERHATIAN:

Slip bayaran atau resit ASAL perlu disimpan oleh graduan untuk rujukan

3.2 BAYARAN YURAN ALUMNI

3.2.1 Bayaran yuran alumni adalah tertakluk kepada pengurusan institusi Politeknik dan Kolej Komuniti. Kadar yuran alumni adalah seperti berikut:

KADAR YURAN DAN MAKLUMAT BANK

 Institusi	 Mod Yuran	 Jumlah Yuran (RM)	 Nama Bank	 No Akaun Persatuan Alumni
Politeknik Kuching Sarawak	Seumur Hidup	50.00	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)	1101692749
Politeknik Mukah, Sarawak	Tahunan	55.00	Maybank	561109109105
Politeknik METrO Betong Sarawak	Seumur Hidup	50.00	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	11-0197784-6
Kolej Komuniti Mas Gading	Seumur Hidup	25.00	Bank Islam	11059020018890
Kolej Komuniti Kuching	Seumur Hidup	30.00	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	11-0205119-8
Kolej Komuniti Santubong	Seumur Hidup	20.00	Bank Islam	11013010083847
Kolej Komuniti Sarikei & Cawangan Sibul	Seumur Hidup	25.00	Bank Rakyat	1102087363
Kolej Komuniti Miri	Seumur Hidup	30.00	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	11-0133085-2



Nota: Mod Yuran "Seumur Hidup" adalah bayaran sekali sahaja.
Mod Yuran "Tahunan" adalah bayaran setiap tahun.

3.2.2 Graduan boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan yuran alumni dengan menghubungi pegawai institusi masing-masing.

SENARAI PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

 Institusi	 Nama Pegawai Yang Bertanggungjawab	 No Telefon	 E-Mel
Politeknik Kuching Sarawak	Ts. Wong Sie Woo	016-8091058	swwong@poliku.edu.my
Politeknik Mukah, Sarawak	Pn. Rozaida binti Halil	014-9199925	rozaidahalil@pmu.edu.my
Politeknik METrO Betong Sarawak	Pn. Imelda anak Richard Fuchau	019-8069585	imelda.richard@pmbs.edu.my
Kolej Komuniti Mas Gading	Pn. Kamelia binti Kamel	019-4902927	kamelia.kamel@kkmas.edu.my
Kolej Komuniti Kuching	Pn. Jennifer binti Sukor @ John	019-8171945	jennifer@kkkg.edu.my
Kolej Komuniti Santubong	Ts. Kenny Pragash A/L Kaniassen	013-8074311	kenny@kksantubong.edu.my
Kolej Komuniti Sarikei & Cawangan Sibul	Pn. Amalina Muhirah binti Junani	0178666433	amalinamahirah@kksarikei.edu.my
Kolej Komuniti Miri	Pn. Noor Aini binti Bojeng	019-3339280	nooraini@kkmiri.edu.my

LAPOR DIRI
MAJLIS
KONVOKESYEN

4.0 LAPOR DIRI MAJLIS KONVOKESYEN

4.1 Semua graduan hendaklah mendaftarkan diri di Dewan Zamrud, DeTAR PUTRA UNIMAS mengikut sidang konvokesyen masing-masing.

4.2 Kaunter pendaftaran dibuka pada:

 SIDANG	 MASA	 TARIKH
SIDANG 1	 6.30 pagi	 12 September 2026
SIDANG 2	 12.00 tengah hari	
SIDANG 3	 6.30 pagi	 13 September 2026
SIDANG 4	 12.00 tengah hari	

4.3 Graduan hendaklah membawa Kad Pengenalan dan mengemukakan Slip Konvokesyen yang di cetak melalui Portal Sistem Pengurusan Konvokesyen (SPK) PolyCC Zon Sarawak kepada urusetia bagi tujuan pendaftaran graduan.



- 4.4 Graduan akan diberi KAD RFID bagi kegunaan di dalam dewan. Sila semak nama dan butiran di dalam kad nama sebelum berbaris.
- 4.5 Graduan yang **GAGAL MENDAFTAR DIRI** mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai majlis konvokesyen.
- 4.6 Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris mengikut INSTITUSI DAN JABATAN MASING- MASING.
- 4.7 Sila ikut arahan PEMANDU GRADUAN semasa berbaris, masuk/keluar ke/dari dewan dan semasa majlis konvokesyen berlangsung.
- 4.8 Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising atau keluar meninggalkan dewan.
- 4.9 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang beg/peralatan lain semasa perbarisan **KECUALI KAD RFID dan TELEFON BIMBIT** sahaja.

PAS MASUK
MAJLIS
RONVOKESYEN

5.0 PAS MASUK IBU BAPA / TETAMU

- 5.1 Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **DUA (2) ORANG TETAMU** sahaja memasuki dewan konvokesyen tertakluk kepada kapasiti dewan.
- 5.2 PAS MASUK IBU BAPA / TETAMU akan boleh dimuat turun melalui portal SPK dan **DICETAK** bagi keperluan masuk ke dewan konvokesyen.
- 5.3 Kanak-kanak berumur **12 tahun ke bawah TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan konvokesyen.
- 5.4 Tetamu yang tidak memasuki dewan, disediakan tempat khas untuk mengikuti upacara majlis konvokesyen melalui siaran langsung di Youtube dan Facebook rasmi Politeknik Kuching Sarawak.
- 5.5 Tetamu **TIDAK DIBENARKAN** mengambil gambar graduan ketika majlis berlangsung.
- 5.6 Tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak keluar dari dewan atau membuat bising di dalam dewan.
- 5.7 Pakaian tetamu hendaklah kemas dan bersesuaian untuk majlis rasmi.
- 5.8 Graduan dan tetamu dinasihatkan untuk makan terlebih dahulu sebelum masuk ke dewan konvokesyen.
- 5.9 Gerai jualan makanan dan minuman serta bunga konvokesyen ada disediakan di tapak jualan Pesta Konvokesyen.
- 5.10 Graduan diminta memaklumkan peraturan ini kepada tetamu.

PERATURAN KENDERAAN

*MAJLIS
KONVOKESYEN*

6.0 PAS MASUK KENDERAAN DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 6.1 PAS MASUK KENDERAAN GRADUAN setiap graduan terhad kepada **SATU (1) kenderaan sahaja**.
- 6.2 Pas **PERLU DIMUAT TURUN** di portal Sistem Pengurusan Konvokesyen (SPK) dan **DICETAK** OLEH GRADUAN.
- 6.3 Pas masuk kenderaan **WAJIB** dipamerkan pada cermin hadapan kenderaan semasa Hari Konvokesyen.
- 6.4 Hanya kenderaan yang mempunyai pas masuk kenderaan sahaja dibenarkan memasuki kawasan kampus UNIMAS.
- 6.5 Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat letak kereta yang disediakan mengikut papan tanda arah lalu lintas di dalam kampus UNIMAS
- 6.6 Graduan atau tetamu yang berkeperluan khas (seperti berkerusi roda) perlu memaklumkan kepada urus setia semasa membuat pengesahan kehadiran.
- 6.7 Graduan dan keluarga OKU / berkerusi roda hendaklah diletakkan di tempat letak kereta yang disediakan oleh pihak pengawal lalu lintas UNIMAS.
- 6.8 Graduan dinasihatkan untuk datang awal bagi mengelakkan tempat letak kenderaan penuh.
- 6.9 Sila patuhi arahan dan tunjuk arah yang diberikan oleh pihak pengawal lalu lintas yang bertugas sepanjang berada di dalam kawasan kampus UNIMAS.

***ETIKA PAKAIAN &
RUPA DIRI***
GRADUAN

7.1 ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN LELAKI

7.1.1 Graduan dibenarkan memakai pakaian sama ada:

- **Baju Melayu Cekak Musang** berwarna hitam berbutang lengkap, dan bersamping
- **Berkemeja lengan panjang** berwarna putih, seluar slack hitam, dan bertali leher
- **Pemakaian blazer** adalah amat digalakkan

7.1.2 Pemakaian mortar board adalah **DIWAJIBKAN**. Sila rujuk video panduan konvokesyen di portal Sistem Pengurusan Konvokesyen (SPK).

7.1.3 **DILARANG** memakai seluar ketat dan singkat semasa majlis.

7.1.4 Kasut kulit dan sarung kaki berwarna hitam/gelap yang bersesuaian untuk majlis rasmi. **KASUT SUKAN ATAU SAFETY BOOT TIDAK DIBENARKAN.**

7.1.5 Graduan hendaklah berambut pendek (tidak mencecah kolar baju serta tidak menutupi telinga dan dahi) dan kemas. Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan.

7.1.6 **DILARANG** memakai aksesori berlebihan seperti rantai, subang dan tindik hidung.

PAKAIAN RASMI

- ✓ Baju Melayu lengkap berwarna gelap atau hitam dengan samping serta kasut berwarna hitam.
- ✓ Kemeja berlengan panjang, bertali leher, seluar panjang berwarna hitam dan kasut berwarna hitam.



✓ **KASUT YANG DIBENARKAN**



✗ **KASUT TIDAK DIBENARKAN**



✓  Semua lulusan lelaki Melayu digalakkan memakai songkok berwarna hitam bagi melengkapkan pakaian rasmi semasa majlis berlangsung.

✗ **PAKAIAN YANG DILARANG**



- Dilarang memakai pakaian yang tidak kemas, t-shirt, jeans, bermuda, selipar atau topi.



PEMAKAIAN JUBAH KONVOKESYEN

- ✓ Pakai jubah, hod dan mortar board dengan kemas.
- ✓ Pastikan jubah dipakai dengan betul dan tidak rosak.
- ✓ Dilarang mengubah suai atau menambah aksesori pada jubah.



MAKLUMAT PENTING



Graduan yang tidak mematuhi etika pakaian boleh diminta membuat pembetulan sebelum memasuki dewan.



Graduan hendaklah mematuhi arahan daripada urus setia sepanjang majlis berlangsung.

7.2 ETIKA PAKAIAN DAN RUPA DIRI GRADUAN WANITA


- 7.2.1 Graduan beragama Islam dibenarkan memakai pakaian sama ada:
- Baju kurung, kebaya, kebarung, atau pakaian labuh yang sopan dan bertudung
 - Tudung berwarna sesuai dengan warna baju dibenarkan dipakai oleh wanita muslim dan mestilah dipakai dengan kemas
- 7.2.2 Graduan yang bukan Islam, selain memilih mengenakan pakaian pada 7.2.1 dibenarkan memakai pakaian:
- Blaus PUTIH berlengan panjang dan skirt labuh hingga paras buku lali
- 7.2.3 Pemakaian mortar board adalah **DIWAJIBKAN**. Sila rujuk video panduan konvokesyen di portal Sistem Pengurusan Konvokesyen (SPK).
- 7.2.4 Kasut bertutup dan berwarna hitam/gelap. KASUT SUKAN, SAFETY BOOT DAN SANDAL 'CROCS' TIDAK DIBENARKAN.
- 7.2.5 Graduan bukan Islam hendaklah berambut kemas.
- 7.2.6 Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau diwarnakan TIDAK DIBERNARKAN.
- 7.2.7 DILARANG memakai aksesori seperti tindik hidung dan subang atau aksesori yang berlebihan.

PAKAIAN RASMI

- ✓ Pakaian tradisional / baju kurung atau kebaya labuh atau kebarung yang sopan dan tidak ketat.
- ✓ Digalakkan memakai tudung mengikut warna pakaian.



✓ KASUT YANG DIBENARKAN



✗ KASUT TIDAK DIBENARKAN



- ✓ Lulusan beragama Islam diwajibkan memakai tudung kepala berwarna krim / hitam / navy / kelabu gelap atau warna pakaian.

✗ PAKAIAN YANG DILARANG



- Dilarang memakai pakaian yang mendedahkan aurat, ketat, jarang, singkat atau menonjol mata.



PEMAKAIAN JUBAH KONVOKESYEN

- ✓ Pakai jubah, hod dan mortar board dengan kemas.
- ✓ Pastikan jubah dipakai dengan betul dan tidak rosak.
- ✓ Dilarang mengubah suai atau menambah aksesori pada jubah.



MAKLUMAT PENTING



Graduan yang tidak mematuhi etika pakaian boleh diminta membuat pembetulan sebelum memasuki dewan.



Graduan hendaklah mematuhi arahan daripada urus setia sepanjang majlis berlangsung.

ETIKA PAKAIAN
ETAMU MAJLIS
KONVOKESYEN

8.0 ETIKA PAKAIAN TETAMU

8.1 Pakaian Tetamu Lelaki

- Baju Kebangsaan, Batik, Lounge Suit, atau Pakaian Rasmi yang sesuai
- Seluar Jeans dan Kemeja-T TIDAK DIBENARKAN

8.2 Pakaian Tetamu Wanita

- Baju Kebangsaan atau Pakaian Rasmi atau pakaian sopan
- Pakaian gaun atau skirt di atas paras lutut, blouse tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar jeans adalah TIDAK DIBENARKAN





KAJIAN *PENGESANAN* *GRADUAN*

9.1 Panduan Kepada Graduan

- 9.1.1 Semua graduan yang **HADIR** konvokesyen diwajibkan menjawab Kajian Pengesanan Graduan sebelum mengambil jubah, pas masuk tetamu dan pas masuk kenderaan.
- 9.1.2 Kegagalan menjawab kajian ini akan mengakibatkan pengambilan jubah, pas masuk tetamu, pas masuk kenderaan graduan dan sijil / diploma atau transkrip anda ditahan.

9.2 Tujuan Kajian Pengesanan Graduan

- 9.2.1 Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan anda terhadap program pengajian, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan semasa anda mengikuti pengajian di Politeknik / Kolej Komuniti serta strategi anda memasuki dan menghadapi alam pekerjaan.
- 9.2.2 Maklum balas anda sangat penting bagi membawa perubahan yang membina khusus kepada institusi dan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam melahirkan graduan TVET yang berkualiti.

9.3 Proses Kerja Pengisian Kajian

- 9.3.1 Semua graduan adalah dikehendaki merujuk Pegawai / Penyelaras Pengesanan Graduan institusi masing-masing bagi tujuan pengisian kajian. Senarai pegawai adalah seperti jadual berikut:

 Institusi	 Nama Pegawai	 No Telefon	 E-mel
Politeknik Kuching Sarawak	Ts. Siti Noor Aishah binti Mohammad	019-8603648	nooraishah@poliku.edu.my
Politeknik Mukah Sarawak	En. Abdul Hadi bin Hashim	012-5860685	abdulhadi@pmu.edu.my
Politeknik METRo Betong Sarawak	En. Mohamad Shukri bin Muda	019-9485876	mshukri.m@pmbs.edu.my
Kolej Komuniti Mas Gading	Pn. Kamelia binti Kamel	019-4902927	kamelia.kamel@kkmas.edu.my
Kolej Komuniti Kuching	Pn. Afzan binti Mohamad Sula	010-4084680	afzan@kkkg.edu.my
Kolej Komuniti Santubong	Ts. Kenny Pragash A/L Kaniasen	013-8074311	kenny@kksantubong.edu.my
Kolej Komuniti Betong	Pn. Nurzulain binti Zulkifli	013-8356441	ppptpsh1@kkbetong.edu.my
Kolej Komuniti Sarikei & Cawangan Sibul	Pn. Azwin binti Ahmad	016-2091604	azwin@kksarikei.edu.my
Kolej Komuniti Miri	Pn. Nur Atiqah binti Abdul Rahman	018-9787480	nuratiqah@kkmiri.edu.my

9.4 Penghantaran Slip Kajian Pengesanan Graduan

- 9.4.1 Bagi graduan yang **TIDAK HADIR** konvokesyen, anda juga diwajibkan untuk mencetak Slip Kajian Pengesanan Graduan sebagai dokumen pengesanan dalam pematuhan pengambilan sijil / diploma atau transkrip.
- 9.4.2 Bagi graduan yang **HADIR** konvokesyen, Slip Kajian Pengesanan Graduan hendaklah dibawa bersama untuk disahkan oleh Pegawai / Penyelaras Pengesanan Graduan yang bertugas di kaunter Pengesanan Graduan bertempat di Dewan Mutiara, DeTAR UNIMAS.
- 9.4.3 Jika graduan menghantar **WAKIL** untuk urusan pengambilan jubah, pastikan wakil bawa bersama semua dokumen yang diperlukan dan terus ke kaunter pengesanan graduan terlebih dahulu.
- 9.4.4 Sila rujuk Carta Alir Kajian Pengesanan Graduan yang disertakan.



JUBAH
MAJLIS
KONVOKESYEN

10.0 PENGURUSAN JUBAH POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

10.1 Pengambilan Jubah

10.1.1 Jadual pengambilan jubah seperti di Jadual 1.

10.1.2 Jubah boleh diambil mengikut masa dan tempat seperti di Jadual 1 dengan mengemukakan **Resit Pembayaran Konvokesyen PolyCC Zon Sarawak 2026** dan **Slip Pengesanan Graduan yang telah dicop**.

10.1.3 Urusan pengambilan jubah selain daripada yang dinyatakan di Jadual 1 tidak akan dilayan.

10.1.4 Sebarang **pengubahsuaian pada jubah tidak dibenarkan**.

10.1.5 Penentuan saiz jubah adalah berdasarkan pilihan anda menerusi portal SPK. Sebarang penukaran saiz semasa proses pengambilan jubah adalah tidak dibenarkan.

[Disclaimer: Bilangan jubah berdasarkan saiz (S, M, L & XL) adalah terhad. Oleh itu, konsep 'first come, first serve' diguna pakai semasa pengambilan jubah]

PANDUAN SAIZ JUBAH KONVOKESYEN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

 SAIZ	ANGGARAN UKURAN (CM)	
	 LEBAR BAHU	 PANJANG
S	48	114
M	48	120
L	50	124
XL	52	130
XXL	55	136

10.1.6 Bagi graduan yang menghantar **WAKIL**, graduan perlu mengisi bahagian wakil pada **Borang Peminjaman Jubah beserta dengan surat tunjuk kuasa wakil**. Jika tidak ada surat kuasa, wakil tersebut **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah.

10.2 Pemulangan Jubah

10.2.1 Jadual pemulangan jubah seperti di **Jadual 1**.

10.2.2 Jubah perlu dipulangkan selepas majlis konvokesyen tamat.

10.2.3 Pemulangan jubah selepas daripada tarikh **14 September 2026** akan dikenakan denda **RM20 sehari**.

10.2.4 Pemulangan jubah akan menjadi **bukti untuk graduan membuat tuntutan diploma**.

10.2.5 Semasa pemulangan jubah, saiz dan nombor jubah hendaklah sama dengan saiz yang dipinjam. Jika saiz dan nombor jubah tidak sama, graduan dikehendaki untuk menukar balik jubah tersebut dengan jubah yang dipinjam. Jika sudah dijumpai, barulah graduan boleh membuat proses pemulangan dan mendapatkan Slip Menuntut Diploma / Sijil pada pegawai bertugas.

 Perkara	 Tarikh / Masa	 Lokasi
 Pengambilan / Agihan	9 September (RABU) – sidang1 dan 2 10 September (KHAMIS) sidang3 dan 4  Jam 8:00am – 5:00pm	 Cybercafe Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad
	11 September (JUMAAT) (semua sidang)  8:00am – 5:00pm	 Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS
 Pemulangan	12 - 13 September (Sabtu - Ahad) Selesai majlis konvokesyen  hingga jam 5:00pm	 Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS
	14 September (Isnin) – (Tiada bayaran Denda lewat dikenakan)	 Cybercafe Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad
	15 - 18 September (Selasa - Jumaat)  Jam 9:00am – 4:00pm (PEMULANGAN JUBAH YANG LEWAT DARIPADA TARIKH 14 SEPTEMBER 2026 AKAN DIKENAKAN DENDA RM20 SEHARI)	 Cybercafe Koperasi Politeknik Kuching Sarawak Berhad

**JADUAL 1: PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKEYEN
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

10.3 Kehilangan atau Kerosakan Jubah

10.3.1 Jadual Kehilangan atau Kerosakan Jubah adalah seperti di **Jadual 2**.

10.3.2 Graduan tidak dibenarkan meminda/mengubah mana-mana bahagian jubah yang disewa.

10.3.3 Caj akan dikenakan kepada graduan bagi kos kehilangan/kerosakan pada jubah dan Diploma tidak akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.

 Perkara	 Kadar Caj (RM)
 Kehilangan Jubah	500.00
 Kerosakan Jubah	Bergantung kepada jenis kerosakan
 Kehilangan/Kerosakan Topi Mortar	100.00

**JADUAL 2: KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

11.0 PENGURUSAN JUBAH POLITEKNIK MUKAH

Semua graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen adalah **DIWAJIBKAN** untuk menggunakan jubah rasmi Majlis Konvokesyen. Jubah rasmi hendaklah disewa dan pembayaran sewaan adalah termasuk dalam Yuran Majlis Konvokesyen.

11.1 Proses Peminjaman Jubah

11.1.1 Graduan yang hadir dikehendaki untuk mengambil jubah pada masa berikut:

Tarikh: Jumaat, 11 September 2026

Masa: 8:00 pagi sehingga 5:00 petang

Tempat: Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS

11.1.2. Dokumen yang diperlukan untuk pengambilan jubah konvokesyen bakal graduan dikehendaki untuk mengemukakan **Surat Hadir Majlis Konvokesyen (sila cetak surat daripada pautan untuk pengesahan kehadiran)** ketika mengambil jubah.

11.1.3 Keselamatan Jubah Konvokesyen

- Semua graduan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan jubah. Graduan adalah diingatkan untuk menjaga jubah dengan baik, memastikan kebersihan jubah dan mengelakkan sebarang kerosakan terhadap jubah yang digunakan. **Pengubahsuaian pada jubah tidak dibenarkan.**
- **Sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan jubah, bayaran ganti rugi akan dikenakan.**

11.1.4 Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan jubah boleh mewakilkan orang lain dengan mengemukakan:

- **Surat Hadir Majlis Konvokesyen**
- **Salinan Kad Pengenalan Graduan**
- **Salinan Kad Pengenalan Wakil**

11.1.5 Panduan Ukuran Saiz Jubah Politeknik Mukah

**PANDUAN SAIZ JUBAH KONVOKESYEN
POLITEKNIK MUKAH**

	 Panjang Jubah (cm)	 Lebar Bahu (cm)	 Panjang Lengan (cm)
S	37 (+-)	110 (+-)	48 (+-)
M	38 (+-)	112 (+-)	50 (+-)
L	40 (+-)	117 (+-)	55 (+-)
XL	44 (+-)	122 (+-)	60 (+-)
XXL	48 (+-)	127 (+-)	62 (+-)

11.2 Proses Pemulangan Jubah

11.2.1 Jubah konvokesyen hendaklah dipulangkan sebaik sahaja graduan selesai menghadiri sesi konvokesyen masing-masing. Sesi pemulangan jubah adalah seperti berikut:

Tarikh: Ahad, 13 September 2026

Masa: Selepas Majlis Konvokesyen sehingga 5:00 petang

Tempat: Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS

11.2.2 Mulai **14 September 2026 (Isnin)**, **DENDA AKAN DIKENAKAN** kepada graduan yang **LEWAT** memulangkan jubah konvokesyen. **TINDAKAN AKAN DIKENAKAN** kepada graduan yang **GAGAL** memulangkan jubah konvokesyen pada waktu yang ditetapkan.

11.2.3 Pemulangan Selepas Waktu Rasmi (Serahan Tangan/ Pos)
Sekiranya graduan memulangkan jubah selepas jam 5:00 petang (13 September 2026), jubah boleh dihantar terus atau diposkan ke alamat berikut:

**Koperasi Politeknik Mukah Berhad,
Politeknik Mukah, Km 7.5, Jalan Oya, 96400 Mukah, Sarawak**

11.3 Bayaran Denda

**BAYARAN DENDA KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN
POLITEKNIK MUKAH**

 Jenis Kerosakan	 Denda (RM)
 Jubah rosak/ hilang/ tidak dipulangkan	 200
 <i>Mortarboard</i> rosak/ hilang/ tidak dipulangkan	 50
 Kelewatan pemulangan jubah dan <i>mortarboard</i>	 20 (Hari Pertama) 5 (Setiap hari berikutnya)

11.3.1 Kaedah Pembayaran Denda

Semua urusan pembayaran denda hendaklah dibuat ke akaun Koperasi Politeknik Mukah Berhad (Maybank 5111 0412 7590). Resit pembayaran rasmi wajib dikemukakan kepada petugas semasa memulangkan jubah sebagai bukti.

11.4 Pemulangan Melalui Wakil

Sekiranya graduan menghantar wakil untuk memulangkan jubah, pastikan wakil tersebut mendapatkan Slip/ Borang Pengesahan Pemulangan daripada petugas sebelum meninggalkan kaunter. Hal Ini penting bagi mengelakkan sebarang kesulitan dikemudian hari.

PERINGATAN:

**SIJIL/ DIPLOMA TIDAK AKAN DISERAHKAN SEHINGGA GRADUAN
MENGEMBALIKAN JUBAH KONVOKESYEN.**

12.0 PENGURUSAN JUBAH POLITEKNIK METRo BETONG SARAWAK**12.1 Pengambilan Jubah**

12.1.1 Jadual pengambilan jubah seperti Jadual 1.

12.1.2 Jubah boleh diambil mengikut masa dan tempat seperti di Jadual 1 dengan mengemukakan Resit Pembayaran Konvokesyen PolyCC Zon Sarawak 2026, dan Borang Pengambilan Jubah.

12.1.3 Urusan pengambilan jubah selain daripada jadual tidak akan dilayan.

12.1.4 Sebarang pengubahsuaian pada jubah tidak dibenarkan.

12.1.5 Penentuan saiz jubah adalah berdasarkan pilihan anda menerusi portal SPK. Sebarang penukaran saiz semasa proses pengambilan jubah adalah tidak dibenarkan.

[Disclaimer: Bilangan jubah berdasarkan saiz (S, M, L & XL) adalah terhad. Oleh itu, konsep 'firstcome, first serve' diguna pakai semasa pengambilan jubah]

**PANDUAN SAIZ JUBAH KONVOKESYEN
POLITEKNIK METRo BETONG SARAWAK**

 SAIZ	ANGGARAN UKURAN (CM)	
	 LEBAR BAHU	 PANJANG
S	48	114
M	48	120
L	50	124
XL	52	130
XXL	55	136

12.1.6 Bagi graduan yang menghantar wakil, graduan perlu mengisi borang kebenaran wakil mengambil jubah. Jika tidak ada borang kebenaran, wakil tersebut TIDAK DIBENARKAN mengambil jubah.

12.2 Pemulangan Jubah

12.2.1 Jadual pemulangan jubah seperti di Jadual 1.

12.2.2 Jubah perlu dipulangkan selepas majlis konvokesyen tamat.

12.2.3 Pemulangan jubah selepas daripada tarikh **13 September 2026** akan dikenakan denda RM20 sehari.

12.2.4 **Pemulangan jubah** akan menjadi **bukti untuk graduan membuat tuntutan diploma**.

12.2.5 Semasa pemulangan jubah, saiz dan nombor jubah hendaklah sama dengan saiz yang dipinjam. Jika saiz dan nombor jubah tidak sama, graduan dikehendaki untuk menukar balik jubah tersebut dengan jubah yang dipinjam. Jika sudah dijumpai, barulah graduan boleh membuat proses pemulangan dan mendapatkan Slip Menuntut Diploma pada pegawai bertugas.

 Perkara	 Tarikh / Masa	 Lokasi
 Pengambilan / Agihan	 11 September (JUMAAT) (<i>semua sidang</i>)  8:00am – 5:00pm	 Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS
 Pemulangan	 12 - 13 september (<i>Sabtu - Ahad</i>) Selesai majlis konvokesyen hingga jam 5:00pm <i>(PEMULANGAN JUBAH YANG LEWAT DARIPADA TARIKH 13 SEPTEMBER 2026 AKAN DIKENAKAN DENDA RM20 SEHARI)</i>	 Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS

**JADUAL 1: PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK**

12.3 Kehilangan atau Kerosakan Jubah

12.3.1 Jadual Kehilangan atau Kerosakan Jubah adalah seperti di Jadual 2.

12.3.2 Graduan tidak dibenarkan meminda/mengubah mana-mana bahagian jubah yang disewa.

12.3.3 Caj akan dikenakan kepada graduan bagi kos kehilangan/kerosakan pada jubah dan Diploma tidak akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.

 Perkara	 Kadar Caj (RM)
 Kehilangan Jubah / Hilang / Tidak Dipulangkan	300.00
 Kehilangan/Kerosakan Topi Mortar	100.00

**JADUAL 2: KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN
POLITEKNIK KUCHING METrO BETONG SARAWAK**

12.4 Sila rujuk portal SPK untuk muat turun borang pengurusan jubah konvokesyen Politeknik METrO Betong Sarawak

- Borang Pengambilan dan Pemulangan Jubah
- Borang Kebenaran Wakil untuk Mengambil Jubah

13.0 PENGURUSAN JUBAH KOLEJ KOMUNITI

Semua graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen adalah **DIWAJIBKAN** untuk menggunakan jubah rasmi Majlis Konvokesyen. Jubah rasmi hendaklah disewa dan pembayaran sewaan adalah termasuk dalam Yuran Majlis Konvokesyen.

13.1 Proses Peminjaman Jubah

13.1.1 Graduan yang hadir dikehendaki untuk mengambil jubah pada masa berikut:

Tarikh: Jumaat, 11 September 2026

Masa: 9:00 pagi sehingga 5:00 petang

Tempat: Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS

13.1.2. Dokumen yang diperlukan untuk pengambilan Jubah Konvokesyen
Bakal graduan dikehendaki untuk mengemukakan **Surat Hadir Majlis Konvokesyen (sila cetak surat daripada pautan untuk pengesahan kehadiran)** ketika mengambil jubah.

13.1.3 Keselamatan Jubah Konvokesyen


- Semua graduan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan jubah. Graduan adalah diingatkan untuk menjaga jubah dengan baik, memastikan kebersihan jubah dan mengelakkan sebarang kerosakan terhadap jubah yang digunakan. **Pengubahsuaian pada jubah tidak dibenarkan.**
- **Sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan jubah, bayaran ganti rugi akan dikenakan.**

13.1.4 Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan jubah boleh mewakilkan orang lain dengan mengemukakan:

- **Surat Hadir Majlis Konvokesyen**
- **Salinan Kad Pengenalan Graduan**
- **Salinan Kad Pengenalan Wakil**

13.2 Panduan Ukuran Saiz Jubah Kolej Komuniti Zon Sarawak

PANDUAN UKURAN JUBAH KONVOKESYEN



SIZE	XS	S	M	L	XL
SHOULDER (D)	14 ½ inch	15 ½ inch	16 inch	16 ½ inch	17 ½ inch
CHEST (B)	18 inch	20 inch	21 inch	23 inch	24 inch
SHIRT LENGTH (A)	40 ½ inch	43 inch	45 ½ inch	48 inch	49 inch

13.3 Proses Pemulangan Jubah

13.3.1 Jubah konvokesyen hendaklah dipulangkan sebaik sahaja graduan selesai menghadiri sesi konvokesyen masing-masing. Sesi pemulangan jubah adalah seperti berikut:

Tarikh Akhir: Ahad, 13 September 2026

Masa: Selepas Majlis Konvokesyen sehingga 5:00 petang

Tempat: Bilik Delima, Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), UNIMAS

PELAJAR WAJIB MEMULANGKAN JUBAH PADA WAKTU YANG TELAH DITETAPKAN. GAGAL BERBUAT DEMIKIAN PELAJAR WAJIB MEMBAYAR HARGA JUBAH PENUH

13.4 Bayaran Denda

**BAYARAN DENDA KEROSAKAN JUBAH KONVOKESYEN
KOLEJ KOMUNITI ZON SARAWAK**

 Perkara	 Kadar Caj (RM)
 Jubah rosak/ hilang/ tidak dipulangkan	299
 Mortar board rosak/ hilang/ tidak dipulangkan	80

13.4.1 Kaedah Pembayaran Denda

Semua urusan pembayaran denda hendaklah dibuat ke akaun **Koperasi Kolej Komuniti Sarikei Berhad (Bank Rakyat 1101951298)**. Resit pembayaran rasmi wajib dikemukakan kepada petugas semasa memulangkan jubah sebagai bukti.

**PERINGATAN:
SIJIL TIDAK AKAN DISERAHKAN SEHINGGA GRADUAN MENGEMBALIKAN
JUBAH KONVOKESYEN**

***TUNTUTAN
SIJIL & DIPLOMA
GRADUAN***

14.0 TUNTUTAN SIJIL DAN DIPLOMA GRADUAN

- 14.1 Graduan yang **HADIR** majlis konvokesyen boleh menuntut sijil dan diploma;
- Di **Dewan Mutiara, DeTAR PUTRA UNIMAS** selepas memulangkan jubah dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Jubah
 - Sijil **TIDAK AKAN** dipos kepada graduan.
- 14.2 Graduan yang **TIDAK HADIR** ke majlis konvokesyen dan **TELAH MEMBUAT BAYARAN** dalam tempoh yang telah ditetapkan, sijil akan dihantar secara berperingkat **EMPAT (4) minggu** selepas tarikh rasmi majlis konvokesyen.
- 14.3 Graduan yang **TIDAK HADIR** ke majlis konvokesyen dan **BELUM MEMBUAT BAYARAN** yuran konvokesyen, boleh menuntut sijil diploma dengan;
- Hadir sendiri ke Unit Peperiksaan institusi masing-masing; atau
 - Menghantar wakil untuk membuat tuntutan; atau
 - Penghantaran secara pos kepada graduan.
- 14.4 Prosedur tuntutan sijil dan diploma bagi **GRADUAN TIDAK HADIR** adalah tertakluk kepada institusi masing-masing.
- Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman sesawang rasmi institusi.
 - Tuntutan hanya boleh dilakukan selepas tarikh rasmi majlis konvokesyen berlangsung.
 - Sijil dan diploma yang tidak dituntut akan disimpan di Unit Peperiksaan institusi.



ANUGERAH

RECEMERLANGAN
KONVEKESYEN

**15.0 TUNTUTAN WANG TUNAI / CEK PEMENANG ANUGERAH
KECEMERLANGAN**

- 15.1 Graduan dimohon berjumpa Pegawai Peperiksaan institusi masing-masing selepas selesai urusan tuntutan sijil atau diploma.
- 15.2 Sila kemukakan baucar yang telah diterima semasa sesi penyerahan anugerah berserta kad pengenalan graduan bagi tujuan pengesahan.

GAMBAR
MAJLIS
KONVOKESYEN

16.0 GAMBAR KONVOKEYEN

- 16.1 Gambar konvokesyen di atas pentas diurus oleh Urus Setia Konvokesyen di bawah Jawatankuasa Fotografi dengan melantik syarikat fotografi.
- 16.2 Setiap graduan yang hadir akan menerima gambar secara pakej fotografi yang terdiri daripada:
- satu (1) keping gambar saiz 6R (menegak, jalan turun pentas)
 - satu (1) keping gambar saiz 8R (melintang, menerima sijil)
 - satu (1) keping gambar saiz 12R (menegak, menerima sijil)
 - salinan *softcopy* (CD atau melalui e-mel)
- 16.3 Penghantaran secara pos diuruskan oleh syarikat fotografi yang dilantik dan kos bayaran pos ditanggung oleh graduan.
- 16.4 Perkhidmatan studio fotografi (photo booth) juga disediakan semasa majlis berlangsung di tempat atau bilik yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, gambar studio tidak termasuk dalam pakej fotografi ini.



Syabas dan Tahniah GRADUAN

**MAJLIS KONVOKESYEN
POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI
ZON SARAWAK
TAHUN 2026**



DISEDIAKAN OLEH:

SETIAUSAHA NIDUK

***Jawatankuasa Majlis Konvokesyen
Politeknik dan Kolej Komuniti
Zon Sarawak
Tahun 2026***